

ST 10/3/2021 NIS 28

Nelayan asing cuba sogok polis Marin untuk lepaskan diri

MERSING - Nelayan asing bukan sahaja berani menceroboh perairan negara, malah cuba menyogok pihak berkuasa dengan RM3,000 semata-mata untuk melepaskan diri.

Ketua Polis Daerah Mersing Superintendant Cyril Edward Nuing mendedahkan situasi berkenaan dihadapi pasukan Polis Marin Mersing petang

Isnin ketika menahan sebuah bot dengan enam nelayan warga Vietnam disyaki menjalankan kegiatan menangkap hasil laut secara haram berhampiran Pulau Rawa di sini.

Menurutnya, sepasukan polis marin diketuai Inspektor Rosli Md Saad sedang melakukan rondaan di perairan itu lebih kurang 5.50 petang dan me-

ngesan sebuah bot asing tanpa nombor pendaftaran terbabit.

"Hasil pemeriksaan mendapati ke-

semua mereka yang berumur lingkungan 20 hingga 57 tahun itu gagal mengemukakan dokumen pengenalan diri yang dilakukan.

"Kesemua suspek ditahan dan diserahkan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Jabatan Perikanan Mersing," katanya pada Selasa.

"Seorang daripadanya menawarkan

RM3,000 sebagai dorongan untuk tidak mengambil tindakan atas kesalahan turut dirampas peralatan menangkap hasil laut, 50 kilogram gamat serta wang tunai. - Bernama